

BAB 6

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk merumuskan hasil kajian berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap sampel kajian. Analisis kandungan buku teks yang dijalankan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah memberi tumpuan kepada prosa dan ilustrasi. Dalam KBSM digariskan keperluan menerapkan nilai-nilai murni merentas kurikulum. Namun kajian ini menunjukkan nilai-nilai murni tidak diterapkan sepenuhnya dalam enam buah buku teks sains menengah rendah yang dikaji. Perbincangan dalam bab ini meliputi bahagian berikut:

- i. Rumusan Dapatan Kajian.
- ii. Implikasi Dapatan Kajian.
- iii. Cadangan untuk Dapatan Kajian selanjutnya.

6.2 RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dalam kesemua prosa pada setiap buku teks sains Tingkatan 1, 2 dan 3, adalah didapati wujud taburan kekerapan yang tidak seimbang dalam penerapan dan penyaluran nilai-nilai murni dalam mata pelajaran tersebut. Secara umumnya pola taburan kekerapan dapat dikenalpasti sebagai berikut:

- i. Nilai-nilai kategori utama yang popular.

- ii. Nilai-nilai kategori utama yang tidak popular.
- iii. Nilai-nilai kategori utama yang tidak disentuh.

6.2.1 Nilai-nilai kategori utama yang popular.

Nilai-nilai murni kategori utama yang popular bagi prosa dalam teks sains KBSM menengah rendah adalah berbeza-beza untuk setiap tingkatan. Nilai utama yang popular untuk Tingkatan 1 ialah nilai Kerjasama, dengan peratusan 52.94%, untuk Tingkatan 2 ialah nilai Kasih Sayang, dengan peratusan 45.65%, dan untuk Tingkatan 3 ialah nilai Kasih Sayang, dengan peratusan 54.55%.

Nilai murni kategori utama yang popular bagi ilustrasi dalam teks sains KBSM menengah rendah adalah berbeza-beza untuk setiap tingkatan. Nilai utama yang popular untuk Tingkatan 1 ialah nilai Kesyukuran, dengan peratusan 37.5%, untuk Tingkatan 2 ialah nilai Kasih Sayang, dengan peratusan 60%, dan untuk Tingkatan 3 ialah nilai Kasih Sayang, dengan peratusan 100%.

6.2.2 Nilai-nilai kategori utama yang tidak popular.

Nilai-nilai kategori utama yang tidak popular bagi prosa teks sains KBSM menengah rendah adalah berbeza-beza untuk setiap tingkatan. Nilai utama yang tidak popular untuk Tingkatan 1 ialah nilai Baik Hati, Berdikari, dan Kerjasama, masing-masing dengan peratusan 5.88%, untuk Tingkatan 2 ialah nilai Kesederhanaan, dan Rasional, masing-masing dengan peratusan 4.35%, dan untuk Tingkatan 3 ialah nilai Berdikari, dengan peratusan 9.09%.

Nilai murni kategori utama yang tidak popular bagi ilustrasi

dalam teks sains KBSM menengah rendah adalah berbeza-beza bagi setiap tingkatan. Nilai utama yang tidak popular untuk Tingkatan 1 ialah nilai Kerjasama, dengan peratusan 6.25%, untuk Tingkatan 2, nilai Kesyukuran, dan Rasional, masing-masing dengan peratusan 20%, dan untuk Tingkatan 3, semua lima belas nilai, kecuali nilai Kasih Sayang, dengan peratusan 0%.

6.2.3 Nilai-nilai kategori utama yang tidak disentuh.

Nilai-nilai murni yang tidak disentuh bagi prosa dalam teks sains KBSM menengah rendah adalah berbeza-beza bagi setiap tingkatan. Nilai yang tidak disentuh di Tingkatan 1, ialah nilai Hemah Tinggi, Kasih Sayang, Keadilan, Kebersihan, Keberanian, Kebersihan Fizikal dan Mental, Kejujuran, Kesederhanaan, Kesyukuran dan Rasional. Di Tingkatan 2, sembilan nilai tidak disentuh ialah nilai Berdikari, Hemah Tinggi, Keadilan, Kebebasan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama dan Semangat Bermasyarakat. Di Tingkatan 3, dua belas nilai tidak disentuh iaitu nilai Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Keadilan, Kebebasan, Keberanian, Kebersihan Fizikal dan Mental, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan dan Semangat Bermasyarakat.

Nilai-nilai murni yang tidak disentuh bagi ilustrasi dalam buku teks sains KBSM menengah rendah adalah berbeza-beza bagi setiap tingkatan. Nilai yang tidak disentuh di Tingkatan 1 ialah sebanyak sebelas nilai, iaitu selain dari nilai Berdikari, Kasih Sayang, Kerjasama, Kesyukuran, dan Semangat Bermasyarakat, sementara di Tingkatan 2, nilai yang tidak disentuh ialah sebanyak tiga belas nilai, iaitu selain dari

nilai Kasih Sayang, Kesyukuran, dan Rasional, sementara di Tingkatan 3, semua nilai tidak disentuh kecuali Kasih Sayang.

6.3 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini memperlihatkan dengan jelas pada kekerapan dan perbezaan dari segi penonjolan nilai-nilai murni dalam enam judul buku teks sains menengah rendah KBSM.

Buku teks sains Tingkatan 1, 2 atau 3, yang dikaji memberikan gambaran jelas bahawa penerapan nilai-nilai murni dalam prosa dan ilustrasi boleh dirumuskan sebagai amat sedikit.

Dapatan kajian menunjukkan penerapan nilai mengikut urutan kekerapan bagi tingkatan 1, 2 dan 3 adalah berbeza. Pengkaji dapati, di Tingkatan 1, urutan kekerapan nilai yang paling popular ialah nilai Kerjasama, yang ditonjolkan sebanyak sembilan kali (52.94%), di Tingkatan 2, urutan kekerapan nilai yang paling popular ialah Kasih Sayang, yang ditonjolkan sebanyak dua puluh satu kali (45.65%), di Tingkatan 3 pula, urutan kekerapan nilai yang paling popular ialah nilai Kasih Sayang, tetapi hanya ditonjolkan sebanyak enam kali (54.55%).

Dapatan kajian ini menunjukkan jumlah kekerapan penerapan nilai yang paling popular didapati wujud secara tidak seimbang dari segi jumlah walaupun peratusannya tidak jauh berbeza dalam buku teks sains KBSM tingkatan 1, 2 dan 3. Dengan kata lain, penulis buku ini tidak menerapkan nilai-nilai murni secara sepenuhnya.

6.4 CADANGAN UNTUK DAPATAN KAJIAN SELANJUTNYA

Kajian ini merupakan satu usaha permulaan dalam bidang yang kurang diterokai khususnya di Malaysia. Pengkaji mengharapkan ia akan menjadi titik-tolak bagi mendorong kajian-kajian selanjutnya di masa hadapan.

Kajian pengkaji hanya membuat tumpuan terhadap kandungan iaitu prosa dan ilustrasi. Sebenarnya banyak lagi aspek dalam buku teks yang belum dikaji. Di antaranya “Adakah penyusunan kandungan buku teks sains KBSM yang dikatakan menggunakan pendekatan bertema dapat mengaitkan pengetahuan, aplikasi sains, kemahiran saintifik dan nilai-nilai murni secara bersepadu, sebenarnya telah diambil kira di dalam susunan kandungan buku teks sains”.

Seperti yang diketahui, buku teks merupakan alat yang penting dalam pengajaran. Di samping cara pengajaran yang berkesan oleh guru, buku teks yang baik telah menjadi salah satu faktor yang dapat membantu penguasaan ilmu pengetahuan dan ketinggian akhlak dan keperibadian yang luhur.

Penerapan nilai-nilai murni yang merupakan intipati KBSM turut menjadi keutamaan dalam penulisan buku-buku teks KBSM. Sejauh manakah penerapan nilai tersebut dapat dijalin bersama elemen-elemen lain dalam penulisan buku teks yang sedia ada. Oleh itu kajian perlu dilakukan ke atas buku-buku teks lain seperti Sejarah, Geografi dan Matematik, untuk mengetahui adakah terdapatnya penerapan nilai-nilai murni dalam mata pelajaran tersebut. Ini penting kerana penerapan nilai-nilai murni dalam bahan bercetak seperti buku teks sewajarnya diberi penekanan yang serius.

Penyediaan buku teks merupakan sesuatu yang perlu diambil perhatian

kerana buku teks bukan hanya sumber pengajian yang asas di sekolah tetapi ia juga menyalurkan aspek-aspek budaya nilai dan menjadi landasan ke arah perkembangan intelek individu, seterusnya mempengaruhi prestasi pelajar dalam bidang akademik. Dalam konteks pendidikan negara masa kini, kualiti buku teks seharusnya diberi perhatian dan keutamaan dalam proses penulisan.

Menyedari nilai murni bukanlah satu elemen yang baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, malah nilai-nilai murni ini merupakan sebahagian daripada kandungan sesuatu mata pelajaran itu sendiri, maka penerapan nilai-nilai murni dalam setiap mata pelajaran adalah sangat penting. Ini kerana tanpa nilai-nilai murni sesuatu mata pelajaran itu tidak akan memberi sebarang faedah atau pulangan kepada manusia itu sendiri. Segala kemungkinan terletak di tangan manusia sendiri, kerana manusia adalah perancang, pengguna, pengeluar dan juga penerima akibat.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya memikirkan bagaimana mewujudkan strategi menerapkan nilai-nilai murni merentas kurikulum secara berkesan dalam penulisan buku teks. Penulis yang dilantik, bukan hanya memberi penekanan pada ilmu yang ingin disampaikan., tetapi perlu juga menerapkan nilai-nilai murni merentas kurikulum.

Justeru, hala tuju pendidikan haruslah jelas dan sempurna. Latihan atau kursus ke arah ini perlu dikendalikan dengan baik, supaya matlamat untuk mencapai cita-cita Falsafah Pendidikan Negara tercapai sepenuhnya. Adalah menjadi harapan negara, agar tidak berlaku lagi keruntuhan akhlak di kalangan cerdik pandai akibat lunturnya nilai-nilai yang sepenuhnya dicerna bersama ilmu pengetahuan.